

## ● KENYATAAN AKHBAR

19 Ogos 2017

Untuk Siaran Segera

### **BANK MUAMALAT MELANCARKAN KEMUDAHAN APLIKASI PERBANKAN MUDAH ALIH**

**Kuala Lumpur, Sabtu 19 Ogos:** Sebagai sebahagian daripada usaha berterusan oleh Bank Muamalat Malaysia Berhad didalam mempertingkatkan jalinan produk dan perkhidmatan, Bank Muamalat telah melancarkan kemudahan aplikasi perbankan mudah alih hari ini bertempat di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri, Langkawi dan dilancarkan oleh YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Hj. Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia.

Bank Muamalat Malaysia Berhad mensasarkan pengguna perbankan mudah alih kepada 50,000 pengguna menjelang pertengahan tahun depan. Ketua Pegawai Eksekutifnya, Dato' Mohd Redza Abdul Wahid berkata, aplikasi ini adalah satu usaha Bank Muamalat untuk memacu penerimaan pengguna Bank Muamalat ke atas teknologi perbankan digital yang semakin popular di Malaysia.

Bercirikan sistem keselamatan tinggi yang mematuhi garis panduan industri perbankan Malaysia, aplikasi ini membolehkan pengguna-pengguna Bank Muamalat untuk melakukan transaksi perbankan seperti pertanyaan baki, pindahan wang, pembayaran bil dan tambah nilai telefon mudah alih di mana-mana sahaja dengan menggunakan telefon bimbit.

Katanya lagi "Industri perbankan telah mengalami satu perubahan dari segi pelaksanaan urusan perbankan antara pelanggan dan bank dimana pelanggan-pelanggan generasi baru lebih selesa berurusan dengan bank secara "digital" berbanding dengan berurusan di cawangan-cawangan bank." Ujarnya lagi "Ini adalah salah satu usaha inovatif Bank Muamalat kearah penambahan saluran digital untuk pelanggan disamping menambah baikkan perkhidmatan perbankan internet yang sedia ada."

Di beri nama "i-muamalat mobile", aplikasi ini boleh dimuat turun dari "Google Play Store" dan juga "Apple Store" mulai esok. Pelanggan-pelanggan Bank Muamalat hanya perlu menggunakan kata nama dan kata laluan yang sama dengan perbankan internet untuk menggunakan "i-muamalat mobile".